

UMS lancar tabung alumni sempena ulang tahun ke-20.

DE 26.11.2014 6

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melancarkan Tabung Alumni UMS bagi merencanakan lagi jalinan kerjasama antara universiti dengan alumninya.

Tabung yang kini mempunyai dana berjumlah RM2.8 juta dilancarkan Yang Dipertua Negeri Sabah yang juga Canselor UMS Tun Juhar Mahiruddin sempena upacara kemuncak sambutan ulang tahun ke-20 Universiti itu, malam Isnin.

Sebelum itu, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dalam ucapannya mahu Alumni UMS mengaktifkan aktiviti berteraskan ilmu serta melaksanakan program berbentuk kerohanian serta motivasi bagi menambah pengetahuan dan pengalaman ahli serta pelajar.

Katanya pengalaman tidak boleh diperolehi melalui pembacaan semata-mata sebaliknya perlu digarap melalui pelbagai aktiviti dan pelak-

sanaan program yang dirancang.

Turut hadir isteri Juhar, Toh Puan Norlidah R.M Jasni, bekas Canselor UMS Tun Sakaran Dandai dan isteri Toh Puan Siti Rukaiyah Panglima Abdullah, Pengerusi Lembaga Pengarah UMS Tun Zaki Tun Azmi dan Pendaftar UMS Datuk Abdullah Mohd Said.

UMS telah melahirkan sebanyak 46,318 graduan dalam pelbagai disiplin ilmu sejak penubuhannya 20 tahun lalu. - Bernama